

Headline	Pengurus TNB berdepan 13 pertuduhan rasuah		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Language	Malay
Date	14 Oct 2016	Readership	563,000
Circulation	171,663	Page No	16
Section	Dlm Negeri	Journalist	N/A
ArticleSize	263 cm ²		
PR Value	RM 15,738		



Pengurus TNB berdepan 13 pertuduhan rasuah

KOTA BHARU 13 Okt. - Pengurus Tenaga Nasional Berhad (TNB) cawangan Kota Bharu mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas 13 pertuduhan membabitkan pengubahan wang haram dan rasuah berjumlah RM125,200, tiga tahun lalu.

Arman Che Othman, 47, membuat pengakuan demikian selepas kesemua pertuduhan tersebut dibacakan jurubahasa kepadanya di hadapan Hakim Azri Ismail.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, dia didakwa melibatkan diri dalam aktiviti pengubahan wang haram berjumlah RM64,200 dari akaun milik sebuah syarikat, KS Maju Solution yang merupakan hasil daripada aktiviti haram.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di Public Bank cawangan Wakaf Siku, Jalan Sultan Yahya Petra di sini a ntara 18 September 2013 hingga 21 Oktober 2014.

Dia didakwa mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001(Akta 613) yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan ketiga hingga ke-13, tertuduh didakwa menerima suapan berjumlah RM61,000 semasa menjadi Pengurus TNB cawangan Tanah Merah daripada Syarikat Azam Jaya Enterprise sebagai upah meluluskan laporan kerja-kerja kontrak.

Perbuatan itu dilakukannya di Public Bank cawangan Kota Bharu, Tanah Merah dan Wakaf Siku antara Februari 2013 hingga Julai 2014.

Dia didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen

24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 atau mana-mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd. Asnawi Abu Hanipah dan Shahidah Muslimah Roslan manakala tertuduh diwakili peguam Datuk Shukri Mohamed.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM40,000 dengan seorang penjamin manakala pasportnya diserahkan kepada mahkamah.

Mahkamah menetapkan kes disebut semula pada 15 November ini.



ARMAN CHE OTHMAN dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu, Kelantan, semalam, berhubung 13 pertuduhan aktiviti pengubahan wang haram dan rasuah.